

Headline	Town Hall Rakyat siri kelima fokus isu alam sekitar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	11	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	364 cm²
Journalist	NURFARDLINA IZZATI MOKTAR		AdValue
Frequency	Daily		PR Value
			RM 23,151



Isu penting melibatkan masa depan alam sekitar dan perubahan iklim dalam negara bakal dibincangkan

Oleh **NURFARDLINA IZZATI MOKTAR**
SHAH ALAM

Berikut sambutan luar biasa daripada orang ramai sebelum ini, Town Hall Rakyat anjuran *Sinar Harian* diteruskan untuk edisi kelima, kali ini bersama Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Ketua Pengarang Kumpulan *Sinar Harian*, Zamri Ramli berkata, program yang berlangsung pada Isnin bakal membincangkan isu sangat penting kepada masyarakat terutama melibatkan masa depan alam sekitar dan perubahan iklim.

"Malah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan

Town Hall Rakyat siri kelima fokus isu alam sekitar

Perubahan iklim juga menjadi tumpuan apabila isu bekalan air bersih kepada rakyat terutamanya di beberapa negeri memerlukan bantuan kerajaan Persekutuan.

"Apatah lagi Malaysia dan dunia beberapa bulan lepas baru sahaja mengharungi musim panas melampau sehingga ada beberapa kes kematian membabitkan strok haba.

"Dengan rakyat pada hari ini begitu menitikberatkan program dan projek pembangunan yang memberi tumpuan kepada sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), sudah tentunya orang ramai ingin mengetahui perancangan jangka masa pendek dan panjang kerajaan," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Mengulas lanjut, Zamri berkata, program akan bersiaran



ZAMRI



FAZREEN

di Dewan Kompleks Karangkraf, Seksyen 15 di sini bermula jam 8.30 malam.

"Atas tanggungjawab besar dalam memastikan kelestarian hidup rakyat, *Sinar Harian* mengundang orang ramai untuk hadir ke Kompleks Karangkraf bagi memeriahkan program tersebut.

"Sesi dialog bersama menteri merupakan antara sesi yang

ditunggu-tunggu kerana memberi peluang kepada orang ramai bertanyakan apa juga soalan berkaitan kepada menteri," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Unit Komunikasi Korporat Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Fazreen Kamal berkata, sebanyak enam agensi di bawah kerajaan akan membuka reruai di

Kompleks Karangkraf pada Isnin untuk memberi lebih banyak informasi kepada orang ramai yang hadir.

Menurutnya, agensi yang terlibat ialah Yayasan Hijau Malaysia (YHM), Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC), Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia, Syarikat Pembentungan Nasio-

nal, Indah Water Konsortium (IWK), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Alam Flora.

"Sudah pasti pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung semasa Town Hall Rakyat nanti, antaranya program dan kempen kesedaran YHM, kuiz bersama hadiah menarik, promosi perkhidmatan dan kesedaran mengenai kitar semula, permainan teka silang kata dan cenderahati.

"Selain mendengar perkara dibahaskan oleh menteri, orang ramai juga dapat menimba pengetahuan menerusi enam agensi di mana mereka dapat mengetahui peranan setiap agensi berkenaan," jelasnya.

Menariknya, Town Hall Rakyat akan dihoskan pelakon popular, Azhar Sulaiman yang bakatnya dicungkil menerusi program anjuran Karangkraf.